

PHARMANIAGA ISONIAZID TABLET

Isoniazid (100mg, 400mg)

Apakah Yang Ada Pada Risalah Ini

1. Apakah kegunaan Pharmaniaga Isoniazid Tablet
2. Bagaimana Pharmaniaga Isoniazid Tablet berfungsi
3. Sebelum mengambil Pharmaniaga Isoniazid Tablet
4. Cara menggunakan Pharmaniaga Isoniazid Tablet
5. Semasa menggunakan Pharmaniaga Isoniazid Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Pharmaniaga Isoniazid Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor siri

Apakah kegunaan Pharmaniaga Isoniazid Tablet

Isoniazid digunakan untuk merawat batuk kering atau tuberculosis (TB) bersama dengan ubat-ubat lain untuk TB.

Bagaimana Pharmaniaga Isoniazid Tablet berfungsi

Pharmaniaga Isoniazid Tablet mengandungi bahan aktif isoniazid. Isoniazid tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dikenali sebagai agen tuberculostatik. Ia bertindak dengan menghentikan pertumbuhan bakteria yang menyebabkan penyakit batuk kering (TB).

Sebelum mengambil Pharmaniaga Isoniazid Tablet

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Pharmaniaga Isoniazid Tablet jika:

- Anda ada alahan kepada isoniazid, *ethionamide*, *pyrazinamide*, *niacin* (asid nikotin), atau ubat- ubatan lain yang berkaitan.
- Anda pernah mengalami hepatitis, kecederaan hepatic yang berkaitan dengan isoniazid sebelum ini, tindak balas yang teruk terhadap isoniazid sebagai contoh demam, mengigil, *arthritis* dan masalah hati akut akibat dari apa-apa punca.

- Anda adalah orang yang mempunyai epilepsi dan alkoholisma yang kronik atau fungsi hati atau buah pinggang yang terjejas.
- Anda sedang mengambil agen yang berpotensi hepatotoksik.

Anda mesti beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda pernah ada mana-mana keadaan sepertimana dinyatakan di atas.

Jangan guna Pharmaniaga Isoniazid Tablet selepas tarikh luput yang dicetak pada pek pembungkusannya. Jika diambil selepas tamat tarikh luput, ia mungkin tidak lagi berkesan.

Jangan guna Pharmaniaga Isoniazid Tablet jika pembungkusannya telah terkoyak atau ada tanda-tanda ianya telah dibuka.

- Sebelum mula mengambil

Anda mesti memberitahu doktor anda jika anda:

- alah kepada mana-mana ubat-ubatan lain atau mana-mana makanan, pewarna atau pengawet
- menghadapi penyakit sawan ataupun pernah ada *convulsion*
- ada kencing manis
- ada penyakit buah pinggang atau penyakit hati
- sering minum alkohol

Jika anda hamil, bercadang untuk hamil, sedang menyusukan bayi atau merancang untuk menyusukan bayi, doktor atau ahli farmasi anda akan membincangkan tentang risiko dan manfaat menggunakan isoniazid semasa hamil dan menyusukan bayi.

Jika anda tidak memberitahu doktor atau ahli farmasi anda tentang mana-mana di atas, beritahu mereka sebelum anda mengambil Pharmaniaga Isoniazid Tablet.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mengambil sebarang ubat lain termasuk ubat yang dibeli tanpa

preskripsi dari farmasi, kedai ubat atau mana-mana sumber lain.

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mengambil yang berikut: -

- Alkohol
- *Alfentanil* (anestesia)
- *Carbamazepine* (antikonvulsan)
- *Disulfiram* (pencegahan alkohol)
- Ubat hepatotoksik (Ubat-ubatan yang boleh menyebabkan toksik hati)
- *Ketoconazole* atau *miconazole*, suntikan *Rifampin* (antikulat dan antibiotik)
- *Phenytoin* (anti sawan)

Cara menggunakan Pharmaniaga Isoniazid Tablet

- Berapa banyak harus digunakan

Doktor anda akan pilih dos yang sesuai untuk anda. Dos tersebut akan dilabelkan pada ubat anda. Jika anda tidak pasti, sila tanya doktor atau ahli farmasi anda.

Dos biasa Pharmaniaga Isoniazid Tablet yang disyorkan adalah:

Dewasa:

Sebagai langkah rawatan pencegahan Tuberkulosis :

Kebiasaannya 4 hingga 5 mg setiap kilogram berat badan diambil setiap hari (maksimum 300mg sehari)

Untuk rawatan Meningitis Tuberkulos :

Sehingga 10mg setiap kilogram daripada berat badan diambil setiap hari (semasa rawatan dari minggu pertama hingga kedua).

Untuk rawatan berkala :

15mg setiap kilogram daripada berat badan (maksimum 900mg sehari) yang diberikan 2 atau 3 kali seminggu dalam rawatan.

Kanak-kanak:

Kanak-kanak yang berumur 3 bulan dan ke atas:

10 hingga 15 mg setiap kilogram berat badan setiap hari.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

PHARMANIAGA ISONIAZID TABLET

Isoniazid (100mg, 400mg)

Pharmaniaga Isoniazid Tablet tidak disyorkan diambil bersama makanan. Telan ubat bersama dengan segelas air.

Sebaik-baiknya makan ubat pada masa yang sama setiap hari untuk elakkan dari lupa.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda. Tempoh rawatan TB biasanya adalah sehingga enam bulan.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos yang seterusnya, abaikan dos yang terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Pergi ke Jabatan Kecemasan di hospital terdekat jika anda ataupun orang lain mengambil dos yang berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Pharmaniaga Isoniazid Tablet

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda seperti yang diberitahu oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Sekiranya memerlukan rawatan lain, sila maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi bahawa anda sedang menggunakan Pharmaniaga Isoniazid Tablet.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Pharmaniaga Isoniazid Tablet dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera

Ubat ini tidak mendatangkan kesan kepada keupayaan untuk memandu atau mengendalikan mesin.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Pharmaniaga Isoniazid Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Beritahu doktor atau ahli farmasi dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan berikut selepas mengambil ubat ini.

- Kerosakan saraf antara otak dan saraf tunjang kepada seluruh tubuh badan.
- Kekejangan, gangguan ingatan, kemurungan, psikosis
- Penglihatan kabur atau kehilangan penglihatan, dengan atau tanpa kesakitan mata
- Mulut kering, sembelit, *hyperreflexia*
- Kekuningan pada kulit dan mata, air kencing semakin gelap, rasa lemah lesu, keletihan, hilang selera makan, loya dan muntah (tanda-tanda jaundis dan masalah hati)
- Keradangan pankreas, yang menyebabkan kesakitan yang teruk di bahagian perut dan belakang (pankreatitis)
- Rasa panas atau sakit di tangan dan kaki.
- Ruam kulit dan sakit sendi.
- Demam dan sakit tekak.
- Pendarahan luar biasa dan lebam.
- Keletihan luar biasa atau lemah.

Sesetengah orang mungkin akan mengalami kesan sampingan pengambilan Pharmaniaga Isoniazid Tablet yang lain. Risiko mengalami kesan

sampingan akan meningkat dengan penggunaan dos yang tinggi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Pharmaniaga Isoniazid Tablet

- Penyimpanan

Simpan semua ubat daripada penglihatan dan jangkauan kanak-kanak.

Jangan mengambil ubat ini selepas tarikh tamat tempoh yang diterterakan pada pek bungkusan.

Simpan di bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya. Simpan dalam bekas tertutup rapat.

- Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Pharmaniaga Isoniazid Tablet 100mg:

Tablet berwarna kuning, bulat, tepi serong rata dengan tanda KK di satu permukaan dan garisan belahan di permukaan yang lain.

Pharmaniaga Isoniazid Tablet 400mg:

Tablet berwarna kuning, bulat, tepi serong rata dengan tanda KK di satu permukaan dan garisan belahan kuadriset di permukaan yang lain.

- Bahan bahan kandungan

Pharmaniaga Isoniazid Tablet 100mg:

- Bahan aktif:

Isoniazid 100mg

PHARMANIAGA ISONIAZID TABLET

Isoniazid (100mg, 400mg)

- Bahan tidak aktif:

*Lactose Monohydrate, Maize Starch,
Acacia, Ariavit Quinoline Yellow, Sodium
Starch Glycolate, Magnesium Stearate*

Pharmaniaga Isoniazid Tablet 400mg:

- Bahan aktif:

Isoniazid 400mg

- Bahan tidak aktif:

*Lactose Monohydrate, Maize Starch,
Acacia, Ariavit Quinoline Yellow, Sodium
Starch Glycolate, Magnesium Stearate*

- Nombor MAL:

Pharmaniaga Isoniazid Tablet 100mg:
MAL19961323AZ

Pharmaniaga Isoniazid Tablet 400mg:
MAL19961322AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Pharmaniaga Manufacturing Berhad
(198001006232),
No. 11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan
Bangi, 43650, Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

23/7/2024

Nombor siri

NPRA (R2/1)200429/429